

Fahami prinsip pinjaman, kadar faedah

Ansuran bulanan perlu dibayar ikut jadual, elak masalah



PEMINJAM harus bertanggungjawab melunaskan hutang dengan pihak bank.

URUS WANG ANDA

Oleh Azli Ayob
 azliayob@berita-harian.com.my

MUNGKIN ada yang mampu membayar secara tunai untuk membeli sebuah kereta baru.

Namun begitu, majoriti rakyat di negara ini menggunakan kemudahan pinjaman bank atau sewa beli bagi memiliki kenderaan

baru. Tidak dinafikan, disebabkan kemudahan yang ditawarkan institusi perbankan tempatan itulah menjadikan Malaysia pasaran terbesar automotif di Asia Tenggara.

Ramal lepasan sekolah atau universiti yang baru saja mendapat pakej pinjaman membeli sebuah kereta baru untuk bergaya ke tempat kerja.

Bagaimanapun, sebelum

buat demikian anda perlu meneliti bajet bulanan dan memastikan anda mampu membayar bayaran ansuran bulanan, iaitu paling rendah pun sekurang-kurangnya RM400.

Untuk itu, anda perlu membuat bajet dan mengira jumlah yang mampu anda bayar.

Ansuran bulanan ini termasuk kadar faedah yang dikenakan, sama ada kadar sama rata atau berubah-ubah yang ditawarkan

institusi perbankan yang membiayai pinjaman sewa beli anda. Membuat pinjaman berkadar sama rata membolehkan anda membayar jumlah ansuran yang tetap sepanjang tempoh pinjaman, walaupun terdapat pergerakan pada kadar faedah ke atas jumlah boleh bayar anda.

Institusi perbankan akan memaklumkan kepada anda mengenai faedah yang akan dikenakan dan jumlah ansuran sebelum anda

menandatangani sebarang perjanjian.

Pinjaman sebegini membantu anda mengekalkan jumlah bayaran balik anda, walaupun kadar faedah meningkat pada masa depan.

Sekiranya anda membuat pinjaman berkadar faedah berubah, bayaran balik anda akan berbeza-beza mengikut pergerakan kadar rujukan iaitu kadar asas pinjaman atau BLR.

Sekiranya BLR mening-

kat, kadar faedah anda juga akan meningkat, seterusnya membuatkan ansuran bulanan anda bertambah.

Bagaimanapun, sekiranya kadar faedah menurun pada masa depan, anda dapat menjimatkan wang dengan jumlah bayaran balik yang berkurangan.

Jadi yang mana harus anda pilih?

Sebenarnya, kedua-dua jenis pembiayaan ini mempunyai kelebihan dan kelemahannya.

Pemilihan jenis pembiayaan ini bergantung kepada jangkaan anda terhadap kadar faedah pada masa depan.

Justeru, perincian pilihan yang ada dengan teliti dan dapatkan nasihat daripada pegawai bank dan membuat perbandingan kadar faedah antara bank.

Setelah anda memeterai perjanjian pinjaman kereta apa yang perlu dilakukan kini adalah untuk memenuhi tanggungjawab anda sebagai peminjam.

Menurut Persatuan Bank-bank di Malaysia (ABM), adalah menjadi tanggungjawab peminjam untuk membayar ansuran bulanan menepati masa.

Jika tidak menjelaskan ansuran bulanan, bank berhak menarik semula kenderaan yang disewa beli itu apabila anda tidak membayar dua ansuran berturut-turut dan jika peminjam meninggal dunia, keingkaran berlaku untuk empat ansuran berturut-turut.

Pembayaran tepat masa dan secara teratur juga adalah satu amalan yang baik kerana ia akan memberikan kelebihan kepada anda.

Jika tidak, baki yang perlu anda jelaskan juga akan meningkat kerana perlu membayar penalti pembayaran lewat.


INFO

Hak dan tanggungjawab peminjam

- Hak anda:
 - Menerima salinan perjanjian sewa beli.
 - Memperoleh maklumat mengenai akaun anda.
 - Minta penyata baki belum jelas (setiap tiga bulan).
 - Menyelesaikan jumlah yang perlu dibayar dengan cepat.
 - Menamatkan perjanjian sewa beli pada bila-bila masa.

Tanggungjawab anda:

- Tidak memindahkan atau menjual kenderaan bermotor tanpa persetujuan institusi perbankan.
- Membayar ansuran mengikut jadual.
- Memberitahu institusi perbankan jika berlaku sebarang pertukaran alamat.
- Tidak gagal menginsuranskan kenderaan bermotor dan memberitahu institusi perbankan mengenai pembaharuan polisi insurans tidak lewat 14 hari sebelum polisi sekarang luput.
- Hak dan tanggungjawab bank
 - Hak bank:
 - Menarik balik kenderaan jika anda ingkar dalam pembayaran.
 - Meminta anda mengambil insurans kenderaan.
 - Mengenaikan caj bagi tujuan menguatkuasakan perjanjian sewa beli.
 - Memperlakukan caj terma bagi pinjaman berkadar faedah berubah.
 - Tanggungjawab institusi bank:
 - Memberikan anda salinan perjanjian sewa beli.
 - Menyeluarkan insurans motor atas nama penyewa untuk tahun pertama.



LANGKAH bank menawarkan pinjaman kenderaan memberi peluang kepada rakyat Malaysia memiliki kereta sendiri.